

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN]

TARIKH : 15 OKTOBER 2019

SOALAN

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah peningkatan sumber dan aset yang sepadan untuk penstruktur semula ESSCOM dan apakah tarikh sasaran yang ditetapkan untuk menghapuskan perintah berkurung laut yang telah dilaksanakan selama lebih daripada 5 tahun sejak dimulakan pada 19 Julai 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, apabila penstruktur semula ESSCOM dilaksanakan, ianya hanya mengubah daripada segi *Chain of Command* agensi tersebut dan tidak melibatkan penambahan sumber manusia atau aset-aset yang sedia ada. Keadaan ini adalah selari dengan polisi Kerajaan ke arah rasionalisasi Sektor Awam.

Sungguhpun begitu, permasalahan yang dihadapi oleh ESSCOM pada masa kini adalah berkaitan dengan isu penyelenggaran dan logistik aset-aset udara dan laut yang telah mengalami kerosakan dan memerlukan kerja-kerja pembaikan serta alat ganti agar tidak merencatkan operasi yang dijalankan. Adakalanya kerosakan yang berlaku ke atas kapal/bot atau pesawat perlu dibaiki di Semenanjung dan akan mengambil masa yang agak lama.

SOALAN NO : 23

Pada masa yang sama, proses menaik taraf sistem pengawasan radar di pulau-pulau dan kawasan perairan ESSZONE juga perlu dilaksanakan. Di samping itu, terdapat juga keperluan untuk mewujudkan penambahan kepada pos-pos dan pangkalan hadapan yang berupaya memberi bantuan logistik kepada bot-bot ronda di kawasan-kawasan *hotspot* dan strategik.

Walau bagaimanapun, cadangan penstruktur semula ESSCOM ini masih di peringkat perbincangan oleh pihak KDN, MKN dan agensi-agensi Keselamatan di kawasan ESSZONE.

Tuan Yang DiPertua,

Setakat ini, pihak berkuasa terutamanya Polis Diraja Malaysia (PDRM) tiada menetapkan sebarang tarikh sasaran untuk menghapuskan perintah berkurung Laut yang sedang berkuatkuasa sekarang. Walau bagaimana pun, pihak Jawatankuasa Keselamatan Negeri (JKKN) dan pihak Pesuruhjaya Polis Sabah sedang merancang untuk meminda dan menambahbaik kawasan dan masa perintah berkurung terutamanya di kawasan-kawasan *hotspot* yang akan dikenakan perintah berkurung 24 jam manakala kawasan-kawasan selamat akan ‘Bebas Perintah Berkurung’.

Justifikasi kawasan-kawasan *hotspot* akan mengambil kira faktor-faktor keselamatan dan keadaan yang mendorong kegiatan penculikan di kawasan ESSZONE SABAH.